



## **PEKELILING BENDAHARI BIL 5/2010**

Tarikh : 4 Januari 2010

Semua Dekan/Pengarah/Ketua  
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **POLISI PENGENAAN 'OVERHEAD COST"/KOS TAK LANGSUNG KEPADA PROJEK PENYELIDIKAN DAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

#### **1. TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini ialah bagi memaklumkan polisi caj kos tak langsung (overhead costs) universiti kepada projek-projek penyelidikan dan aktiviti perniagaan di Universiti. Polisi ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4 Tahun 2009 bertarikh 2 Disember 2009 . Tujuan polisi ini diperkenalkan ialah bagi mengiktiraf dan mendapatkan semula kos yang ditanggung oleh universiti didalam menyokong aktiviti penyelidikan dan perniagaan.

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1. Bersesuaian dengan pengiktirafan UKM sebagai Universiti Penyelidikan, Universiti banyak menjalankan projek penyelidikan dan aktiviti perniagaan. Dengan bertambahnya aktiviti ini kos tak langsung kepada universiti dalam menyokong aktiviti ini bertambah besar dan perlu diambilkira dalam struktur kos universiti.
- 2.2. Sekiranya kos tak langsung tidak diambilkira, universiti terpaksa menanggung kos ini dan akan memberi kesan kepada peruntukan mengurus universiti.

- 2.3. Sebelum ini tidak ada satu mekanisma kepada universiti untuk mendapatkan semula kos tak langsung/overhead yang terpaksa ditanggung oleh universiti.

### 3. DEFINISI

Dalam konteks pekeliling ini,

- 3.1. ***Kos Langsung*** bermaksud kos yang boleh dikenalpasti secara terus kepada sesuatu aktiviti contohnya gaji pembantu penyelidik, bahan penyelidikan dan belanja perjalanan sesuatu aktiviti. Pembelian peralatan khas kepada penyelidikan juga dianggap sebagai kos langsung.
- 3.2. ***Kos Tak Langsung*** bermaksud sebarang perbelanjaan yang tidak dapat dikenalpasti secara spesifik kepada projek/aktiviti tetapi adalah merupakan kos yang ditanggung oleh universiti bagi membolehkan projek/aktiviti dapat dijalankan. Kos tak langsung kepada universiti termasuk penyelenggaraan bangunan, peralatan dan ruang, insuran, utiliti seperti bil air dan elektrik, kos pentadbiran seperti bayaran gaji, bekalan pejabat dan juga pentadbiran pusat pengurusan penyelidikan dan inovasi, perpustakaan adalah tidak dicaj kepada projek.
- 3.3. ***Projek Penyelidikan*** bermaksud sebarang bentuk projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan selain daripada pembiayaan universiti termasuk pembiayaan daripada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
- 3.4. ***Projek Penyelidikan kontrak (Contract research)*** bermaksud projek penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kepada perjanjian khas antara universiti dan pemberi dana dari pihak luar.
- 3.5. ***Aktiviti perniagaan*** bermaksud sebarang aktiviti yang menjana pendapatan bagi pusat-pusat tanggungjawab seperti operasi klinik, makmal dan sebagainya.

#### 4. KADAR CAJ KOS TAK LANGSUNG

4.1. Pengenaan kos tak langsung kepada projek penyelidikan dan aktiviti perniagaan adalah seperti berikut:-

4.1.1.	Projek penyelidikan	15 %
4.1.2.	Projek penyelidikan kontrak	30%
4.1.3.	Aktiviti perniagaan	20%

4.2. Peratusan diatas adalah diambil daripada jumlah kos langsung bagi projek penyelidikan manakala bagi aktiviti perniagaan diambil daripada jumlah kos operasi.

4.3. Ketua projek penyelidikan dikehendaki bertanggungjawab supaya mengambilkira caj kos tak langsung dalam pengiraan jumlah kos projek penyelidikan sebelum perjanjian di meterai antara universiti dan pemberi dana.

4.4. Ketua pusat tanggungjawab dikehendaki bertanggungjawab supaya memastikan jumlah caj kos tak langsung dibayar kepada universiti pada setiap tahun.

#### 5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb Januari 2010.

Yang menjalankan tugas

**(MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL)**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

S.K.

~ *Naib Canselor*

~ *Timbalan-Timbalan Naib Canselor*

~ *Pendaftar*

~ *Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi*

~ *Ketua, Unit Audit Dalam*